

Najib tidak kemuka laporan pakar sangkal tanda tangan

PUTRAJAYA: Selepas enam hari berhujah, pihak pendakwaan yang diketuai Timbalan Pendakwa Raya ad-hoc, Datuk V. Sithambaram menamatkan hujahan balas mereka terhadap rayuan yang dikemukakan oleh bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Najib yang juga Ahli Parlimen Pekan memfailkan rayuan tersebut selepas tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang mensabitkannya dengan tujuh perituduhan membabitkan penyelewengan dana RM42 juta milik SRC International Sdn. Bhd.

Beliau turut merayu terhadap hukuman penjara 12 tahun dan denda RM210 juta yang dikenakan terhadapnya oleh Hakim Mohd. Nazlan Mohd. Ghazali atas kesalahan tersebut.

Selasa depan, peguam bela Najib, Tan Sri Muhammad Shafee

Abdullah akan membuat hujahan semula. Mahkamah menetapkan dua hari untuk beliau berbuat demikian namun ketika ditemui media, peguam terbabit memaklumkan pihaknya mungkin akan mengambil masa tiga hari.

Sebelum ini, Muhammad Shafee turut mengambil masa enam hari untuk mengemukakan hujah bagi rayuan anaknya itu.

Terdahulu, Sithambaram memberitahu, hakim bicara tidak terkhilaf apabila menerima masuk dokumen-dokumen yang didakwa sebalai palsu oleh pihak pembelaan.

Ujarnya, perayu (Najib) dalam keterangannya memberitahu bahawa beliau meragui ketulenan tandatangannya dalam beberapa dokumen-dokumen termasuk akaun bank namun tiada sebarang keterangan atau bukti dari-

pada pakar dikemukakan bagi menyokong dakwaan tersebut.

“Perayu dengan rela tidak memberi jawapan terhadap soalan yang memintanya mengesahkan tandatangannya kerana meragui ketulenan dokumen terbabit sehingga ketulenan itu disahkan oleh pakar. Bagaimanapun, perayu gagal mengemukakan sebarang laporan bagi menyangkal ketulenan dokumen-dokumen terbabit.

“Sekiranya perayu berjaya mengemukakan laporan pakar itu, berkemungkinan beliau boleh menimbulkan keraguan yang munasabah dalam kes pendakwaan. Perayu membantah kemasukan dokumen-dokumen terbabit sebagai bukti adalah kerana ia mengandungi kebenaran yang akan membongkarkan pembohongannya,” ujar Sithambaram.